

Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Penghujung Tahun

Tempoh Kempen

“Kempen Pinjaman Peribadi / Pembiayaan-i: Welcome 2019” Hong Leong Bank Berhad (**HLB**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (**HLISB**) (secara kolektifnya akan dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 Januari 2019 dan tamat pada 31 January 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat (“**T & S**”)

Berikut adalah terma dan syarat yang dikuatkuasakan di atas Kempen:-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Bank yang merupakan individu Malaysia (“**Pelanggan**”) yang telah memenuhi kriteria berikut:-

- (a) Berumur di kalangan umur 21 sehingga 60 tahun;
- (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan tahunan minima sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
- (c) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLIB (“**Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i**”)
- (d) memohon melalui Laman Sesawang Kempen (seperti yang tertakluk di bawah) untuk Pinjaman Peribadi HLB dengan amaun minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi HLIB dengan amaun minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLIB dirujuk sebagai “**Kemudahan**”) melalui saluran permohonan seperti yang tertakluk di klausa seterusnya semasa Tempoh Kempen untuk tempoh pinjaman/pembiayaan iaitu dua hingga lima (2-5) tahun (“**Tempoh Kemudahan**”). Bagi mengelakkan keraguan, Bank berhak untuk meluluskan Kemudahan tersebut dengan amaun yang kurang daripada amaun yang dipohon oleh pelanggan (“**Kemudahan Diluluskan**”) dan di atas permintaan dari Pelanggan, Bank akan mengagihkan Kemudahan Diluluskan pada jumlah yang sama atau kurang daripada Kemudahan Diluluskan (“**Kemudahan Diagihkan**”).
- (e) permohonan untuk Kemudahan dibuat dan dihantar melalui mana-mana saluran permohonan: permohonan atas talian di Laman Sesawang Kempen di <https://www.hlb.com.my/plwelcome2019> atau <https://www.hlisb.com.my/plwelcome2019> (“**Laman Sesawang Kempen**”);
- (f) penyaluran Kemudahan Diagihkan yang diluluskan dibuat oleh Bank pada / sebelum 28 Februari 2019.

2. Bagi tujuan kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria di Klausa 1 di atas akan ditakrifkan sebagai “**Pelanggan Layak**”.

3. Pelanggan yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
- Pelanggan yang telah disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - Pelanggan yang dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
 - Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.
 - Pelanggan yang memegang lebih daripada satu Kemudahan sedia ada dengan Bank.

Mekanik Kempen

A. 6% setahun Kadar Rata Keuntungan / Faedah

4. Pelanggan Layak yang telah memenuhi semua kriteria dalam Klausa 1 di atas akan dikenakan kadar faedah / keuntungan yang rata seperti yang digambarkan dalam jadual di bawah tanpa mengira Tempoh Kemudahan dan Kemudahan Diagihkan:

Jadual 1: Kadar Rata Faedah/Keuntungan Dikenakan

Jenis Kemudahan	Amaun Kemudahan Diagihkan	Kadar Rata Keuntungan / Faedah yang Dikenakan	Tempoh Kemudahan
Pinjaman Peribadi	RM5,000 – RM250,000	6.00% setahun	2 tahun – 5 tahun
Pembiayaan Peribadi-i	RM5,000 – RM150,000		

Ilustrasi Ansuran Bulanan untuk Kemudahan Diagihkan sebanyak RM5,000 sepanjang Tempoh Kemudahan 5 tahun

Amaun Kemudahan Diagihkan (RM)*	Tempoh Kemudahan (tahun)	Kadar Rata Faedah/Keuntungan (setahun) untuk Amaun Kemudahan Diluluskan (RM)	Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d) = a*b*c	(e)=(a+d)/(b*12)
5,000	5	6.00%	1,500	110

*0.50% dari Amaun Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan Diagihkan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar di atas Kemudahan Diagihkan. Kadar faedah/keuntungan efektif (EIR) berbeza-beza dari 10.85% setahun sehingga 11.13% setahun untuk pinjaman/pembiayaan-i untuk tempoh 2-5 tahun.

**Ansuran akan dibundarkan atas ke RM5 terdekat.

B. Pemilihan Mata Ganjaran BIG dan Pilihan Pemenang Bertuah

5. Pelanggan Layak dengan Kemudahan Minimum yang diagihkan sebanyak RM20,000 dan yang telah memenuhi semua kriteria dalam Klausa 1 di atas dan setelah mengemukakan permohonan seperti yang diberikan dalam Klausa 1 (d) di atas, akan menerima nombor rujukan dan Pelanggan akan menghantar e-mel nombor rujukan yang diterima dan BIG Member ID mereka kepada ContestAdmin@hlbb.hongleong.com.my pada / sebelum 8hb Feb 2019, sama ada:
 - i) dengan menghantar screengrab / screenshot dari halaman "terima kasih" bersama dengan nombor rujukan; atau
 - ii) dengan menghantar e-mel pengesahan yang mengandungi nombor rujukan ke alamat e-mel yang disediakan di atas
6. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria dalam Klausa 5 di atas berhak untuk:
 - a) AirAsia BIG Points ("Mata Ganjaran BIG") seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 1 Fasal 9 di bawah; dan
 - b) Dapatkan entri untuk berpeluang memenangi Mata Ganjaran BIG tambahan setara dengan 2 penerbangan pergi-balik AirAsia ke destinasi seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 Fasal 9 di bawah ("Hadiah Cabutan Bertuah").
7. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan tidak dapat menghantar e-mel / memberikan nombor rujukan dan BIG Member ID mereka kepada Bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelanggan tidak menerima nombor rujukan) pada / sebelum 8 Februari 2019 atas apa jua sebab.
8. Jumlah Mata Ganjaran BIG yang tersedia sepanjang Tempoh Kempen ini adalah 1,800,000 dan akan diberikan mengikut prinsip siapa cepat, dia dapat ("first-come, first-served"). Mata Ganjaran BIG dikeluarkan oleh BIG Loyalty Sdn. Bhd. (924656-U) (dahulunya dikenali sebagai Think BIG Digital Sdn Bhd) ("BIG Loyalty"):
 - a) Mata Ganjaran BIG akan dikreditkan ke dalam akaun BIG Member untuk Pelanggan Layak dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh tamat Kempen. Sekiranya tidak ada pertanyaan yang dibangkitkan oleh BIG Member selepas tempoh itu, Pelanggan Layak dianggap telah menerima Mata Ganjaran BIG dan sebarang rayuan untuk pembayaran balik Mata Ganjaran BIG tidak akan dilayan oleh Bank; dan
 - b) Pelanggan Layak yang tidak mempunyai akaun BIG Member yang sah dikehendaki membuat / mendaftar untuk akaun BIG Member melalui laman web program BIG Loyalty di www.airasiabig.com pada atau sebelum 8 Februari 2019 bagi membolehkan Mata Ganjaran BIG didepositkan ke dalam akaun BIG Member mereka, dan sekiranya gagal, Bank tidak akan bertanggungjawab

untuk Pelanggan tidak menerima Mata Ganjaran BIG untuk apa jua sebab. Pelanggan Layak juga akan memastikan bahawa mereka menggunakan / memberikan alamat e-mel yang sama seperti yang telah disediakan kepada Bank apabila membuat / membuka akaun BIG Member mereka.

9. Mata Ganjaran BIG dan jumlah penyertaan yang diperoleh oleh Pelanggan Layak digambarkan dalam Jadual 1 di bawah. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak berhak mendapat 1,000 Mata Ganjaran BIG bagi setiap RM5,000 Kemudahan Diagihkan yang melebihi RM20,000. Pelanggan Layak berhak mendapat 2 entri tambahan bagi setiap RM5,000 Kemudahan Diagihkan yang melebihi RM20,000.

Jadual 1: Ilustrasi Mata Ganjaran BIG berperingkat dan entri yang akan diperolehi

Kemudahan Diagihkan (RM)	Mata Ganjaran BIG diperolehi	Entri untuk berpeluang memenangi Mata Ganjaran BIG tambahan
20,000 Amaun minima untuk layak	2,500	1
Semua jumlah berikutnya sehingga RM250,000	Tambahan 1,000 Mata Ganjaran BIG dengan setiap RM5,000 Kemudahan Diagihkan yang melebihi RM20,000	Tambahan 2 entri dengan setiap RM5,000 Kemudahan Diagihkan yang melebihi RM20,000

Jadual 2: Hadiah-Hadiah (tepat pada 20 Disember 2018)

	Prizes
1 x Hadiah Utama	160,000 Mata Ganjaran BIG (bersamaan dengan 2 penerbangan pergi-balik AirAsia ke Melbourne dari Kuala Lumpur)
1 x Hadiah Kedua	78,000 Mata Ganjaran BIG (bersamaan dengan 2 penerbangan pergi-balik AirAsia ke Macau dari Kuala Lumpur)
1 x Hadiah Ketiga	30,000 Mata Ganjaran BIG (bersamaan dengan 2 penerbangan pergi-balik AirAsia ke Krabi dari Kuala Lumpur)
50 x Pemenang Saguhati	1,000 Mata Ganjaran BIG bagi setiap pemegang

10. Alamat e-mel Pelanggan Layak (seperti yang dikemukakan dalam borang permohonan dalam talian yang terdapat di Laman Web Kempen) akan dimasukkan ke dalam alat cabutan rawak mengikut jumlah penyertaan yang diterima semasa Tempoh Kempen

seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas. Cth. Sekiranya Pelanggan Layak memperoleh 3 penyertaan, alamat e-melnya akan dimasukkan sebanyak 3 kali ke dalam alat cabutan rawak. Oleh itu, ia adalah kewajipan Pelanggan untuk memastikan bahawa mereka telah memberikan alamat e-mel mereka yang terkini dan sah kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya alamat e-mel yang dikemukakan tidak dapat diserahkan / didaftarkan / dimasuki ke dalam alat cabutan rawak rawak untuk apa jua sebab;

- a) Pelanggan Layak yang dipilih sebagai Pemenang akan dihubungi oleh pekerja Bank melalui alamat e-mel yang dikemukakan kepada Bank dalam borang permohonan dalam talian mereka sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausula 1 (d) di atas

Pemilihan Pemenang akan bermula pada 11 Februari 2019 dan diselesaikan pada / sebelum 28 Februari 2019 dan akan dilakukan seperti berikut:

Cabutan 1: Pemilihan Pemenang Hadiah Utama

1 e-mel Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak dan satu pautan akan dihantar oleh Bank kepada e-mel Pelanggan Layak untuk menjawab 1 (satu) soalan dalam masa 24 jam. Sekiranya Pelanggan Layak menjawab soalan dengan betul dan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, dia akan dianggap sebagai Pemenang Hadiah Utama. Sekiranya dia gagal menjawab soalan dengan betul atau dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, dia akan hilang kelayakan sebagai pemenang Hadiah Utama dan Bank akan memilih satu lagi e-mel Pelanggan Layak. Bagaimanapun, jika Pelanggan Layak mempunyai lebih dari 1 entri, dia tetap berpeluang untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama. Pemilihan Pemenang Hadiah Utama untuk Cabutan 1 mesti diselesaikan sebelum Bank meneruskan dengan 'Cabutan 2'.

Cabutan 2: Pemilihan Pemenang Hadiah Kedua

Alamat e-mel Pemenang Hadiah Cabutan 1 akan dikecualikan dari Cabutan 2. 1 e-mel Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak dan satu pautan akan dihantar oleh Bank kepada e-mel Pelanggan Layak untuk menjawab 1 (satu) soalan dalam masa 24 jam. Sekiranya Pelanggan Layak menjawab soalan dengan betul dan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, dia akan dianggap sebagai Pemenang Hadiah Kedua. Sekiranya dia gagal menjawab soalan dengan betul atau dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, dia akan hilang kelayakan sebagai pemenang Hadiah Kedua dan Bank akan memilih satu lagi e-mel Pelanggan Layak. Bagaimanapun, jika Pelanggan Layak mempunyai lebih dari 1 entri, dia tetap berpeluang untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Kedua. Pemilihan Pemenang Hadiah Kedua untuk Cabutan 2 mesti diselesaikan sebelum Bank meneruskan dengan 'Cabutan 3'.

Cabutan 3: Pemilihan Pemenang Hadiah Ketiga

Alamat e-mel Pemenang Hadiah Cabutan 1 dan Cabutan 2 akan dikecualikan dari Cabutan 3. 1 e-mel Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak dan satu pautan akan dihantar oleh Bank

kepada e-mel Pelanggan Layak untuk menjawab 1 (satu) soalan dalam masa 24 jam. Sekiranya Pelanggan Layak menjawab soalan dengan betul dan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, dia akan dianggap sebagai Pemenang Hadiah Ketiga. Sekiranya dia gagal menjawab soalan dengan betul atau dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, dia akan hilang kelayakan sebagai pemenang Hadiah Ketiga dan Bank akan memilih satu lagi e-mel Pelanggan Layak. Bagaimanapun, jika Pelanggan Layak mempunyai lebih dari 1 entri, dia tetap berpeluang untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Ketiga. Pemilihan Pemenang Hadiah Ketiga untuk Cabutan 3 mesti diselesaikan sebelum Bank meneruskan dengan 'Cabutan 4'

Cabutan 4: Pemilihan 50 Pemenang Hadiah Saguhati

Alamat e-mel Pemenang Hadiah Cabutan 1, Cabutan 2 dan Cabutan 3 akan dikecualikan dari Cabutan 4. 50 e-mel Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak dan satu pautan akan dihantar ke e-mel Pelanggan-pelanggan Layak tersebut untuk menjawab 1 (satu) soalan dalam masa 24 jam. Sekiranya Pelanggan-pelanggan Layak tersebut menjawab soalan dengan betul dan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, mereka akan dianggap sebagai Pemenang Hadiah Saguhati. Sekiranya ada di antara mereka yang gagal menjawab soalan dengan betul atau dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bank, mereka akan hilang kelayakan untuk memenangi Hadiah Saguhati dan Bank akan memilih satu lagi e-mel Pelanggan Layak. Walau bagaimanapun, sekiranya Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada 1 entri, dia tetap berpeluang dipilih sebagai Pemenang Hadiah Saguhati.

Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Layak hanya berhak untuk memenangi sama ada satu (1) Hadiah Pertama, Hadiah Kedua atau Hadiah Ketiga tanpa mengira jumlah penyertaan yang diterima. Bagaimanapun, Pemenang Hadiah Pertama, Kedua dan Ketiga berpeluang memenangi 1 Hadiah Saguhati.

11. Pengumuman pemenang-pemenang Kempen akan disediakan di Laman Web Kempen pada / sebelum 6 Mac 2019. Hadiah-hadiah akan dikreditkan ke akaun BIG Member Pemenang-pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pengumuman Pemenang-pemenang.

Umum

12. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:
 - i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk dan Terma dan Syarat Pinjaman Perbadi Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong;
 - ii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Kempen dan/atau Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my ("Laman Sesawang Bank") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - iii. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan diagihkan sebelum/pada 28 Februari 2019 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika

- Kemudahan tidak dapat diagihkan sebelum/pada 28 Februari 2019 untuk sebarang sebab sekalipun;
- iv. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan yang diluluskan oleh Bank) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
 - v. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
 - vi. bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dikenakan oleh BIG Loyalty berkenaan dengan Mata Ganjaran BIG. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan / pindaan terma dan syarat yang mengawal penggunaan Mata Ganjaran BIG oleh BIG Loyalty dan sebarang pertanyaan atau pertikaian yang berkaitan dengan pindaan / variasi tersebut tidak akan dilayan oleh Bank dan Pelanggan Layak akan menyelesaikan sama secara langsung dengan BIG Loyalty; dan
 - vii. bersetuju bahawa Bank akan menghubungi Pelanggan melalui alamat e-mel / nombor telefon yang disediakan oleh Pelanggan dalam borang permohonan dalam talian mereka bagi tujuan Kempen ini.
13. Bank berhak untuk:
- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
 - ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknyanya;
 - iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknyanya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Kempen, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - iv. mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau semua Mata Ganjaran BIG dengan hadiah alternatif atau produk yang sama nilai pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu;
14. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Bank hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Bank, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
15. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Kempen akan diguna pakai.

16. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
17. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.